



# BULETIN

PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK  
JABATAN PERDANA MENTERI



BUDAYA KERJA NORMA  
BAHARU 2020



Imbas Kod QR  
untuk Buletin SUPS  
2020 secara maya



3	<b>TINTA SUPS</b>	34	<b>PERKONGSIAN ILMU</b>
4	<b>PRAWACANA</b>	34	Covid-19 dan Norma Baharu di BGP Negeri Sarawak
5	<b>SELAMAT DATANG</b>	36	Bantuan Khas Kewangan (BKK) 2019 Negeri Sarawak
5	Tahniah dan Selamat Datang	37	Program Pembayaran Bantuan Sara Hidup 2020
7	Biodata SUPS	39	<b>INFOGRAFIK - Unit Pentadbiran</b>
8	<b>SEKALUNG BUDI SEGUNUNG INGATAN</b>	40	<b>INOVASI PERKHIDMATAN AWAM</b>
11	<b>TAHNIAH DAN SELAMAT DATANG</b>	41	Minggu Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak
13	<b>JALINAN</b>	42	SCSMLESG2019
15	<b>EKSKURSI</b>	44	<b>EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM</b>
15	Lawatan Kerja ke PUSPEN Kuching	46	<b>SANTAI-SANTAI (KSKR &amp; PUSPANITA)</b>
15	Tapak Projek PUSPEN dan Klinik C&C Kuching	49	<b>PENGIKTIRAFAN</b>
16	Sesi <i>Townhall</i> SUPS Bersama Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan	50	<b>PENGHARGAAN</b>
17	<b>TURUN PADANG</b>	52	<b>GALERI</b>
17	Lawatan ke Tanah Lot KGP Bintulu dan Lawatan ke Tapak Tanah Lot <i>Kemena Land District</i>	54	<b>HUBUNGAN STRATEGIK</b>
18	Lawatan Pemantauan Kuarters Gunasama Persekutuan (KGPs)		
19	Lawatan Projek Pembinaan Jambatan Kedua Sg. Song dan SK Ulu Yong Kapit		
20	<b>INFOGRAFIK - Unit Teknologi Maklumat</b>		
21	<b>BICARA ILMIAH</b>		
21	Program Taklimat dan Klinik MyPortolio		
22	Program Kesedaran Kesihatan Mengenai Penularan Wabak Novel <i>Coronavirus</i>		
23	Program Pematuhan Tatacara Perolehan Kerajaan Peringkat Zon Sarawak		
24	<b>ACARA</b>		
24	Majlis Penyerahan Sumbangan Peralatan Pam dan Cecair Nyah Cemar		
25	Majlis Sumbangan Peralatan Perlindungan Peribadi		
26	<b>INFOGRAFIK - Unit Inovasi</b>		
27	<b>PEMBANGUNAN</b>		
27	Wakil KGP Sarawak		
28	Maklumat Wakil KGP Sarawak		
30	Kerja-Kerja Pembaikan BGP dan KGP Sarawak		

**Penasihat**  
YBrs. Haji Mohd. Shahabuddin Bin Omar

**Ketua Editor**  
Norizan Bin Jili

**Penolong Editor**  
Vicki Christine Anak Vincent Ahang  
Noor Suriati Binti Mohamad

**Grafik**  
Micheal Wilter Anak Siris

**Susun Atur**  
Mohamad Huzaifah Hamdan

**Ahli-ahli**  
Afidah Binti Sulong  
Rizamariah Binti Sori  
Azlan Bin Kasah  
Taufiqul Hakim Mok Abdullah  
Noraisah Binti Hazimi

**S  
I  
D  
A  
N  
G  
E  
D  
I  
T  
O  
R**

TINTA SUPS

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

### SALAM SEJAHTERA DAN SALAM MALAYSIA PRIHATIN



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas keizinanNya Buletin Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak Tahun 2020 berjaya diterbitkan. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Sidang Editor dan warga pejabat SUP Sarawak yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan penerbitan buletin ini.

Masa berlalu begitu pantas dan kita telah melangkah ke setengah Tahun 2020. Sepertimana kita sedia

maklum, Tahun 2020 merupakan tahun penuh mencabar, bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia, Tahun 2020 telah memaksa kita semua untuk menerapkan norma baharu dalam setiap tindakan dan perkara yang dilakukan. Penularan Covid-19 turut menghadirkan cabaran berat terhadap sektor perkhidmatan awam negara. Walaupun berdepan dengan isu penularan Covid-19 harapan *stakeholder* dan rakyat terhadap perkhidmatan yang cekap, bersih dan berintegriti tidak pernah berkurangan. Harapan ini perlu ditunaikan. Bagi memastikan harapan ini dapat dilaksanakan dengan mutu perkhidmatan yang terbaik, budaya kerja norma baharu perlu diterapkan dalam Perkhidmatan Awam. Perkhidmatan Awam merupakan jentera yang menggerakkan proses merangka, mengolah dan merealisasikan dasar-dasar negara seterusnya menjadi tunjang utama kepada kejayaan negara demi kesejahteraan rakyat. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada agensi-agensi perkhidmatan barisan hadapan di Sarawak dalam menangani isu Covid-19.

Saya menyeru kepada semua jabatan / agensi agar terus mengekalkan kerjasama yang ada di masa-masa akan datang dan bekerjalah sebagai satu pasukan yang saling berinteraksi antara satu sama lain supaya penjawat awam menjadi pemudah cara dalam urusan rakyat.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**MOHD. SHAHABUDDIN BIN OMAR**  
Setiausaha Persekutuan Sarawak



Imbas Kod QR ini untuk video ucapan  
Setiausaha Persekutuan Sarawak



## PRAWACANA



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**SALAM SEJAHTERA DAN SALAM MALAYSIA PRIHATIN**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita telah berjaya menerbitkan Buletin Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak Tahun 2020. Setinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada seisi warga Sidang Editor Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dan semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam menjayakan penerbitan buletin ini. Norma kerja baharu pasca pandemik Covid-19 merupakan cabaran yang tidak pernah kita alami. Penyesuaian dalam mengadaptasi norma kerja baharu ini amat penting demi peningkatan kesejahteraan hidup rakyat dan ekonomi negara. Pandemik Covid-19 menuntut kita berubah. Mesyuarat fizikal dahulunya berubah kepada penggunaan teknologi pintar seperti *Skype For Business*, *Google Meet*, *Zoom* yang membuktikan jarak bukan halangan untuk menyelesaikan urusan. Bagaimanapun ia perlu seimbang dengan penyediaan jalur lebar yang pantas oleh majikan. Begitu juga dengan penggunaan topeng muka dan penjarakan sosial perlu sentiasa kita amalkan dalam norma kerja kita sehari-hari. Peperangan kita berdepan dengan musuh yang sukar di lihat masih jauh lagi perjalannya. InsyaAllah bersama, kita jaga kita, kita patuhi norma baharu kerja, jaga kebersihan diri kita dan keluarga akan terhindar daripada virus yang telah merubah dan menghentikan urusan dunia seketika.

Sekian, terima kasih,

NORIZAN BIN JILI  
Ketua Editor



Imbas Kod QR ini untuk video ucapan  
Ketua Editor



**TAHNIAH DAN SELAMAT DATANG  
YBRS TUAN HAJI MOHD SHAHABUDDIN BIN OMAR,  
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK BAHARU  
PADA 17 MEI 2019**



Kunjung Hormat ke atas Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Sarawak,  
Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud  
pada 21 Jun 2019



Kunjung Hormat ke atas Ketua Menteri Sarawak YAB Datuk Amar Abdul Rahman Zohari  
Tun Abang Haji Openg pada 27 Jun 2019




Ketibaan Tuan Mohd  
Shahabuddin Bin Omar,  
Setiausaha Persekutuan  
Sarawak yang baharu pada 17  
Mei 2019.





# SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK BAHARU



## YBRS TUAN HAJI MOHD SHAHABUDDIN BIN OMAR

Tarikh Lahir : 3 April 1961  
Umur : 59 Tahun

### PENDIDIKAN

Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Tani B.Sc (Agr. Business),  
Universiti Putra Malaysia

Ijazah Sarjana Pengurusan Sumber Tanah, Universiti Putra Malaysia

### JAWATAN KERAJAAN

- 1986-1989 : Penolong Pengarah Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah (KKTKW), Kuala Lumpur
- 1989-1999 : Penolong Pengarah Pejabat Tanah Taiping, Perak
- 2000-2000 : Penolong Pengarah Pejabat Tanah & Galian (PTG) Negeri Perlis
- 2000-2002 : Penolong Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Negeri Perlis
- 2002-2006 : Ketua Penolong Pengarah (MAMPU) Bahagian Dasar dan Pengurusan Kualiti MAMPU Putrajaya
- 2006-2007 : Timbalan Pengarah (MAMPU) Bahagian Dasar dan Korporat, MAMPU Putrajaya
- 2007-2016 : Pengarah MAMPU Cawangan Sarawak
- 2016-2019 : Timbalan Ketua Pengarah (Transformasi dan Pemodenan Pengurusan)
- 2019-sekarang : Setiausaha Persekutuan Sarawak Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak Jabatan Perdana Menteri

### PENGHARGAAN

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Tahun 2000

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MAMPU Tahun 2006

Pingat Perkhidmatan Bakti (Perak) PPB oleh TYT Negeri Sarawak Tahun 2009

Pingat Ahli Mahkota Kedah (AMK) Oleh Sultan Kedah Tahun 2010

Pingat Bintang Kenyalang (PBK) Hari jadi TYT Tahun 2011

Anugerah IKON MAMPU Tahun 2012

Pingat Pentadbiran Awam “Pingat Perkhidmatan Cemerlang “(Emas) (PPC) Hari jadi TYT Negeri Sarawak Tahun 2015



## SETINGGI PENGHARGAAN DAN SELAMAT BERSARA DATO'



17 April 2019 - YBhg. Dato Haji Mansor bin Man, mantan Setiausaha Persekutuan Sarawak telah membuat kunjungan hormat kepada Tuan Yang Terutama (TYT) Yang Di Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Abdul Taib bin Mahmud di pejabat TYT. Kunjungan hormat ini bagi memaklumkan kepada Tun mengenai persaraan beliau dari perkhidmatan awam berkuat kuasa pada 12 Mei 2019.

Ucapan terima kasih kepada Kerajaan Sarawak khasnya Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri atas segala sokongan dan kerjasama yang diberikan sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Setiausaha Persekutuan Sarawak.



Pada 29 April 2019, Setiausaha Persekutuan Sarawak telah membuat kunjungan hormat yang terakhir kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani sebelum beliau bersara wajib pada 12 Mei 2019.





## BERNILAI BAK SEGUNUNG INTAN



YBhg. Dato' Haji Mansor Bin Man telah bertugas dan menjakkan kaki ke Sarawak Bumi Kenyalang sebagai Setiausaha Persekutuan Sarawak mulai 1 Ogos 2017. Beliau merupakan Setiausaha Persekutuan Sarawak yang ke -18 menggantikan YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki Ali yang telah dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kanan. YBhg. Dato' Haji Mansor Bin Man telah menamatkan perkhidmatan pada 12 Mei 2019. Beliau dilahirkan di Kepala Batas, Pulau Pinang. Beliau telah mendirikan rumah tangga bersama YBhg. Datin Dr. Faridah Aryani Binti Md Yusof dan dikurniakan 4 cahaya mata.

### Kelulusan

B.Sc Hons (Housing, Building & Planning) USM, 1983

Master in Business Administration (MBA) UKM, 2006

### Anugerah Yang Diperolehi

2008 - Ahli Mangku Negara (A.M.N)

2010 - Kesatria Mangku Negara (K.M.N.)

2015 - Jasa Setia Mahkota (J.S.M.) dan Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP)

### Anugerah / Penghargaan

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ( 1993 )

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ( 2003 )

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (2011)

Setinggi penghargaan diucapkan kepada beliau di atas segala khidmat dan sumbangan yang telah beliau curahkan sepanjang menjadi Setiausaha Persekutuan Sarawak. Hanya Allah S.W.T yang dapat membala jasa baik beliau.



### KAD DIGITAL AR SUPS18

Sila imbas gambar ini menggunakan telefon pintar setelah memasang aplikasi menerusi pautan url di bawah:

[https://bit.ly/kaddigitalsups\\_18](https://bit.ly/kaddigitalsups_18)



# MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (BAHAGIAN HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)



## YB. DATUK SERI PANGLIMA DR MAXIMUS JOHNITY ONGKILI

Tarikh Lahir : 26 Oktober 1953  
Umur : 67 tahun

### PENDIDIKAN

Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian, La Trobe University, Australia  
Ijazah Doktor Falsafah Ekonomi Pertanian, La Trobe University,  
Australia

### JAWATAN KERAJAAN

- 1985-1986 : Pensyarah Universiti Pertanian Malaysia (UPM)  
: Penyelidik Kanan Institut Kajian Strategik dan  
Antarabangsa (ISIS)
- 1987-1991 : Pengarah Bersekutu, Institut Kajian Pembangunan  
Sabah
- 1991-1994 : Ketua Eksekutif, Institut Kajian Pembangunan, Sabah
- 1994-1995 : Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah
- 2004-2008 : Menteri di Jabatan Perdana Menteri
- 2008-2013 : Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
- 2013-2018 : Menteri Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

# TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (BAHAGIAN HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)

## YB. DATO HAJAH HANIFAH HAJAR TAIB

Tarikh Lahir : 28 Ogos 1972  
 Umur : 48 tahun

### **PENDIDIKAN**

Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan, Universiti San Francisco

### **PENGLIBATAN PARLIMEN**

2018: Ahli Parlimen Antara Parliamentary Asean (AIPA) Singapore  
 2019: Ahli Parlimen Antara Parliamentary Asean (AIPA) Bangkok  
 2019: ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) Advisory Council on Dangerous of Drugs (AIPA-CODD), Chaing Mai, Thailand  
 2019: Asia Pasific Parliamentary Forum (APPF) Siem Reap, Cambodia

### **PENGLIBATAN DALAM AKTIVITI SOSIAL**

2019 : Ahli Persekutuan Parlimen Asia  
 2019 : Ahli Perhimpunan Antara Parliamentary Asean (AIPA)

*Regional Islamic Da'wah Council of Southeast Asia and the Pacific (RISEAP)*

- ◊ Chairperson of Women' Wing
- ◊ Vice President of Main Committee

### **Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)**

2010 sehingga sekarang : Chairperson of PERKIM Bahagian Sarawak  
 2012 sehingga 2019 : Committee Member of PERKIM Wanita Kebangsaan

### **Lions Nursing Home, Kuching, Sarawak**

2012 sehingga sekarang : Patron

### **Old Teresian Association (OTA)**

2013 sehingga sekarang : Patron





## KUNJUNGAN HORMAT



**YBRS. Dr. Haji Azhar Bin Haji Ahmad**  
Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak  
18 Mei 2020



**YM Pengiran Hjh Kartini Binti Pengiran Hj Tahir**  
Konsul Agung Negara Brunei Darussalam  
Konsulat Agung Negara Brunei Darussalam Kuching,  
Sarawak

6 Mac 2020



**YBhg. Dato' Hasnul Bin Mohamed**  
Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak  
Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana  
Menteri, (ICU, JPM)  
13 Februari 2020



**YDH Dato' Aidi Bin Ismail**  
Pesuruhjaya Polis Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia  
Kontijen Sarawak

6 Mac 2020



**Tuan Haji Mohammad Al-Saifi bin Haji Hashim**  
Pengarah Pendakwaan Negeri Sarawak  
Jabatan Peguam Negara Negeri Sarawak  
6 Julai 2020



**Dr. Masiah Binti Ahmad**  
Pengarah Jabatan Audit Negara Negeri Sarawak

11 Jun 2020



**Encik Mohd Saiful Sungkik Abdullah**  
Perbendaharaan Malaysia Sarawak

21 Februari 2020



**TPj Hj Razim Bin Mohd Noor**  
Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat Ibu  
Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

15 Januari 2020



**Encik Jasni Bin Hj Jubli**  
Pengarah Pejabat Pilihanraya Negeri Sarawak

14 Februari 2020



**Encik Sophian Isswandy Bin Ismail**  
Pengarah Keselamatan Negeri Majlis Keselamatan  
Negara, Negeri Sarawak

6 Februari 2020



**Tuan Hj. Suwadi bin Hj Guliling**  
Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Sarawak

4 Mac 2020



**Encik Ibirin Anak Ina**  
Pengarah Negeri Pejabat Ketua Pegawai  
Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Sarawak

Januari 2020



## LAWATAN KERJA KE PUSAT PEMULIHAN PENAGIHAN NARKOTIK (PUSPEN) KUCHING



Pada 7 Januari 2020, Setiausaha Persekutuan Sarawak telah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Kuching. Tujuan lawatan ini diadakan untuk melawat dan meninjau keadaan semasa pejabat PUSPEN Kuching yang terletak di Jalan Penrissen. Hadir sama adalah Encik Mohd Zaki bin Mahyudin, Pengarah Kemajuan Negeri, Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) Sarawak, Puan Mislina binti Muhd Ishak wakil dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Sarawak, pegawai-pegawai Pejabat SUP Sarawak dan pegawai-pegawai Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) Sarawak.

## TAPAK PROJEK PUSAT PEMULIHAN PENAGIHAN NARKOTIK (PUSPEN) DAN KLINIK PEMULIHAN & PRIHATIN (C&C) KUCHING (PUNCAK BORNEO)

Pada 7 Januari 2020, lawatan pemantauan ke tapak projek Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) dan Klinik Pemulihan & Prihatin (C&C) Kuching (Puncak Borneo) adalah bertujuan untuk memantau prestasi kemajuan semasa projek agar projek dapat disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Selain itu, ia juga mensasarkan penyelesaian sebarang isu di tapak atau perkara berbangkit yang mengganggu pelaksanaan projek.





## SESI TOWNHALL SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK BERSAMA KETUA-KETUA JABATAN DAN AGENSI PERSEKUTUAN



Sesi Townhall bersama Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan telah diadakan di daerah Song dan daerah Bau / Lundu. Program ini diadakan untuk bertujuan untuk menjalankan silaturrahim serta melahirkan rasa kebersamaan di antara jabatan / agensi walaupun jarak lokasi yang berbeza di samping mendengar isu-isu yang diutarakan oleh jabatan / agensi.

Dalam sesi ini Setiausaha Persekutuan Sarawak berkongsi beberapa amanat kepada ketua-ketua jabatan / agensi. Di antaranya penjawat awam perlu bekerja secara berpasukan dan mengelakkan bekerja secara *silo* dalam komuniti sendiri. Penjawat awam juga perlu memiliki integriti yang tinggi kerana ia menjadi penentu imej, kredibiliti dan reputasi perkhidmatan awam, kerajaan dan negara.





## LAWATAN KE TANAH LOT KUARTERS GUNASAMA PERSEKUTUAN BINTULU KAWASAN B BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN BINTULU DAN LAWATAN KE TAPAK TANAH LOT 4081 KEMENA LAND DISTRICT



22 Januari 2020 - Setiausaha Persekutuan Sarawak telah mengadakan lawatan kerja ke bahagian Bintulu. Lawatan kerja ini meliputi:

### A. Lawatan ke Kuarters Gunasama Persekutuan Bintulu Kawasan B

Lawatan ini bertujuan untuk menentukan sempadan di antara kuarters Gunasama Persekutuan dengan kuarters Kastam.



### B. Lawatan ke sekitar Wisma Persekutuan Bintulu

Meninjau persekitaran di Wisma Persekutuan Bintulu yang terletak di Jalan Tun Razak. Wisma ini mempunyai dua (2) blok bangunan yang menempatkan sebanyak 14 jabatan/agensi Persekutuan.

### C. Lawatan tapak ke Lot 4081 Kemen Land District, Bintulu



Lot tapak ini merupakan Cadangan Pembinaan Kuarters Gunasama Persekutuan tambahan di Bintulu yang berkeluasan 1.215 hektar. Cadangan ini telah diangkat kepada Jabatan Perdana Menteri bagi permohonan bajet di bawah Rancangan Malaysia ke-12 “*rolling plan*” 1 Tahun 2021.





## LAWATAN PEMANTAUAN KUARTERS GUNASAMA PERSEKUTUAN

Setiausaha Persekutuan Sarawak turut menyertai lawatan pemantauan kuarters Gunasama Persekutuan bersama Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Harta. Lawatan pemantauan ini telah diadakan di bahagian Kapit, Bau dan Lundu.



Penerangan ringkas kepada SUP berkaitan dengan pembinaan kuarters Kapit



Penolong Jurutera menerangkan kerja-kerja pembinaan yang pernah dilaksanakan di KGP Kapit



Pegawai pemeriksa aset menunjukkan tarikh luput dan nombor siri alat pemadam api kepada SUP



Lawatan Pemantauan SUP ke Kuarters Gunasama Persekutuan Song



Lawatan Pemantauan SUP ke Kuarters Gunasama Persekutuan Lundu



## LAWATAN PROJEK PEMBINAAN JAMBATAN KEDUA SG. SONG DAN SK ULU YONG KAPIT

Pada 5 Februari 2020, Setiausaha Persekutuan Sarawak telah mengadakan Lawatan ke Projek Pembinaan Jambatan Kedua Sg. Song dan SK Ulu Yong, Kapit. Lawatan ini turut disertai oleh wakil dari Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak, Jabatan Kerja Raya Sarawak dan wakil dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sarawak dan pihak kontraktor projek. Projek ini meliputi pembinaan jalan sejauh 0.91 km dan jambatan ke dua Sg. Song sepanjang 270 meter. Jambatan ini bakal merancakkan pembangunan ekonomi dan infrastruktur di bahagian Kapit. Jambatan ini bakal melengkapkan kesemua jajaran yang menghubungkan Sibu, Kanowit, Song dan Kapit.





# PERKONGSIAN ILMU

## BAGAIMANA MENJANA KOD QR (*QUICK RESPONSE CODE*)

Kod QR (singkatan daripada kod Respons Cepat) adalah sejenis kod bar matriks (atau kod bar dua dimensi) yang pertama kali dirancang pada tahun 1994 untuk industri automotif di Jepun. Kod bar adalah label optik yang boleh dibaca oleh mesin yang mengandungi maklumat mengenai item yang dilampirkan. Selalunya, kod QR mengandungi data untuk pencari, pengecam, atau *url* yang terus menunjukkan laman web atau aplikasi yang hendak diakses. Kod QR menggunakan empat mod pengekodan standard (numerik, *alphanumeric*, *byte / binary*, dan kanji) untuk menyimpan data dengan cekap.

Sumber: *Wikipedia*

### CARA MENJANA KOD QR

The screenshot shows a user interface for generating QR codes. The main menu includes 'Sign In', 'QR Code Generator', 'QR Code', 'Scan', and 'Generate'. Under 'Generate', options like 'FREE TEXT', 'URL' (which is selected), 'CONTACT', 'PHONE', and 'SMS' are available. A sub-menu for 'URL' allows entering a URL, with 'www.supsrwk.gov.my' entered. A 'SAVE' button is visible. Below the input fields, there's a section for 'Static QR Code' which displays a QR code. A note at the bottom says: 'Do you need to change the content of the QR Code after it has been printed? Or do you need statistics? Sign In with Google and convert your Code to a Dynamic QR Code.'

Langkah 1: Pergi ke *url*

<https://www.the-qrcode-generator.com/> dan pilih item yang hendak dijana (sama ada teks, pautan *url*, maklumat perhubungan, nombor telefon atau capaian terus ke sms)

This screenshot shows the same website interface as above, but with a modal dialog box titled 'Save QR Code'. The dialog box contains a 'Filename' field with 'Laman Web Pejabat SUP Sarawak' and a 'Format' section with 'PNG' selected. There are 'CANCEL' and 'SAVE' buttons at the bottom. The background shows the static QR code for the URL entered earlier.

Langkah 2: Seterusnya simpan Kod QR yang telah dijana



## PROGRAM TAKLIMAT DAN KLINIK MYPORTFOLIO KEPADA AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA SARAWAK



6 Februari 2020 - YBrs. Tuan Haji Mohd Shahabuddin bin Omar, Setiausaha Persekutuan Sarawak telah dijemput oleh MAMPU Cawangan Sarawak untuk merasmikan Program MAMPU Outreach bagi Taklimat dan Klinik MyPortfolio kepada Agensi Penguatan Maritim Malaysia Sarawak.

Dalam ucapan perasmian Setiausaha Persekutuan Sarawak, mengucapkan syabas kepada APMM Sarawak yang telah menyahut seruan bagi pelaksanaan MyPortfolio. MyPortfolio merupakan satu pendekatan dan satu kaedah pengurusan strategik untuk memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan. Sistem penyampaian perkhidmatan yang efisien membolehkan rakyat berurusan dengan Kerajaan dengan lebih mudah dan telus.





## PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN MENGENAI PENULARAN WABAK NOVEL CORONAVIRUS

6 Februari 2020 - Setiausaha Persekutuan Sarawak telah merasmikan Program Kesedaran Kesihatan Mengenai Penularan Wabak Novel *Coronavirus*. Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada orang awam khususnya penjawat awam berkaitan risiko penularan wabak Novel *Coronavirus* ke dalam negara ini dan juga menangkis penyebaran berita palsu secara berleluasa.

Menerusi ucapan Setiausaha Persekutuan Sarawak, penjawat awam dipohon untuk mengambil pendekatan yang serius dalam mengekang penularan wabak tersebut dengan mengoptimumkan penggunaan alat pencegahan seperti penutup mulut dan hidung, sarung tangan dan lain-lain. Kaedah pemakaian alat pencegahan yang betul dapat mengelakkan berlakunya pembaziran memandangkan kuantiti alat-alat pencegahan terutamanya penutup mulut dan hidung di seluruh negara kini semakin berkurangan. Penjawat awam juga dinasihatkan tidak menyebarkan berita palsu berhubung wabak ini kerana ia boleh menimbulkan perasaan panik di kalangan masyarakat.

Seramai dua (2) penceramah telah diundang bagi menyampaikan taklimat semasa program ini iaitu Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dan Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Sarawak.





## PROGRAM PEMATUHAN TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN PERINGKAT ZON SARAWAK

24 Februari 2020, Setiausaha Persekutuan Sarawak dijemput untuk merasmikan Program Pematuhan Tatacara Perolehan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Peringkat Zon Sarawak. Program ini merupakan anjuran bahagian Perolehan, Jabatan Perdana Menteri.

Tujuan kursus ini diadakan bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman yang lebih mendalam mengenai konsep dan prosedur dalam pengurusan perolehan Kerajaan disamping memperoleh kemahiran dan kepakaran dalam aspek-aspek kritikal mengenai prosedur dan proses-proses dalam perolehan Kerajaan.

Seramai 63 penjawat awam telah menghadiri taklimat tersebut yang terdiri daripada jabatan / agensi Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Setiausaha Persekutuan Sarawak berharap agar pengurusan perolehan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Jabatan Perdana Menteri dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan teratur serta dapat meminimumkan permohonan kelulusan khas Perbendaharaan. Dengan ini pihak PTJ dapat membuat perolehan yang terancang dan berkesan.





## MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN PERALATAN PAM DAN CECAIR NYAH CEMAR

13 April 2020 - Setiausaha Persekutuan Sarawak telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Sumbangan Peralatan Pam dan Cecair Nyah Cemar yang telah disumbangkan oleh Petronas Nasional Berhad (Petronas) kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sarawak untuk tujuan operasi sanitasi awam berikutan wabak Covid-19 yang semakin menular di seluruh negara.

Antara peralatan yang disumbangkan adalah 28 unit penyembur 20 liter kuasa bateri, 30 unit penyembur tangan manual, 53 kotak sarung tangan getah, 130 botol peluntur seliter, 360 botol peluntur 900 mililiter serta 50 kotak pelitup mulut dan hidung tiga lapis.

Dengan kelengkapan ini sedikit sebanyak dapat membantu usaha-usaha kerajaan dalam membendung wabak Covid-19 seperti spektrum atau skop nyah sanitasi awam di Sarawak lagi.





## MAJLIS SUMBANGAN PERALATAN PERLINDUNGAN PERIBADI (PPE)

Pada 22 April 2020, Setiausaha Persekutuan Sarawak telah menyempurnakan Majlis Sumbangan Peralatan Perlindungan Peribadi (*PPE*) dalam menghadapi wabak Covid-19 kepada jabatan-jabatan persekutuan di negeri Sarawak.

Projek sumbangan *PPE* ini telah dilaksanakan oleh Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia yang bertujuan untuk membantu barisan petugas dan sebagai tanda sokongan kepada 112,000 orang penjawat awam persekutuan pelbagai agensi di Sarawak untuk terus bersemangat melaksanakan tugas dalam menangani wabak Covid-19 yang melanda dunia masa kini. Sumbangan adalah berbentuk topeng muka, pembersih tangan dan sarung tangan getah .






# PERKONGSIAN ILMU

## PENCIPTA *USB FLASH DRIVE* BERASAL DARI MALAYSIA?

The Star pernah memaparkan kisah tentang syarikat yang sangat menarik, iaitu sebuah syarikat pendrive, berpangkalan di Taiwan. Nama Syarikat tersebut ialah Phison elektronik Corp dan ianya sebuah syarikat tersenarai awam di Taiwan yang bernilai Rm 4.3 bilion. Syarikat ini telah dimulakan oleh Pua Khein Seng yang berasal dari Selangor. Graduan ini berusia 35 tahun dari Universiti Nasional Chiao Tung dan bekerja sambilan untuk menyara dirinya semasa beliau masih seorang pelajar.

Pua Khein-Seng, dilahirkan pada 15 Jun 1974, dipercayai salah seorang yang menjadi pencipta *USB flash drive*. Dalam temu bual bersama media akhbar berbahasa Inggeris The Star, beliau yang juga Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Phison Electronics Corp yang berpangkalan di Taiwan menyifatkan syarikatnya adalah syarikat pertama yang mencipta cip persendirian *USB flash drive* pertama di dunia. Walau bagaimanapun, tuntutan telah diiktiraf diseluruh dunia kecuali di Malaysia. Beliau juga dikenali sebagai "Bapa Pendrive" di Malaysia. Beliau telah dibesarkan di Sekinchan, Selangor, Malaysia. Pua menerima pendidikan prasiswazah dalam bidang kejuruteraan kawalan elektrik di Universiti Nasional Chiao Tung dan kini menetap di Taiwan.

Sumber: *Wikipedia*





## WAKIL KUARTERS GUNASAMA PERSEKUTUAN SARAWAK

Oleh: Faridah binti Fadzil

Pejabat Setiausaha Persekutuan (SUP) Sarawak bertanggungjawab dalam pengurusan 1,003 unit Kuarters Gunasama Persekutuan (KGP) yang terletak di 28 kawasan di seluruh Sarawak. Lokasi KGP yang berada jauh di pelbagai bahagian/daerah di Sarawak merupakan salah satu cabaran dalam pengurusan KGP. Sehubungan itu, Pejabat SUP Sarawak telah menggunakan kaedah pelantikan wakil-wakil kuarters sebagai satu kaedah yang digunakan sejak dari awal lagi dalam membantu pengurusan dan pemantauan kuarters. Wakil-wakil Kuarters ini adalah rakan-rakan strategik Pejabat SUP Sarawak yang telah dilantik dari kalangan penjawat awam pelbagai agensi yang turut menduduki KGP.

Secara umumnya, peranan dan tanggungjawab wakil-wakil kuarters adalah seperti berikut:

- ◆ Membantu memantau keadaan di kawasan kuarters dan melaporkan kepada Pejabat SUP Sarawak sekiranya terdapat unsur-unsur mencurigakan yang boleh menjelaskan keselamatan penghuni dan aset Kerajaan;
- ◆ Membantu memantau kerja-kerja penyenggaraan dan pemberian kecil kuarters serta perkhidmatan pembersihan kawasan kuarters;
- ◆ Menubuhkan dan mengetuai Jawatankuasa Kecil Penghuni Kuarters;
- ◆ Merancang dan melaksana aktiviti-aktiviti sosial bersama-sama penghuni kuarters bagi menjaga kebersihan dan keceriaan kuarters serta memupuk semangat kejiraninan; dan
- ◆ Lain-lain tugas mengikut keperluan yang diarahkan oleh Pejabat SUP Sarawak dari semasa ke semasa.

Sesungguhnya, tanpa komitmen, kerjasama dan sokongan daripada setiap wakil kuarters, adalah sukar bagi Pejabat SUP Sarawak untuk memastikan pengurusan kuarters berada pada tahap yang terbaik. Semoga hubungan akrab dan kerjasama erat wakil-wakil kuarters dan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak akan terus utuh demi kepentingan Perkhidmatan Awam.



# MAKLUMAT WAKIL KUARTERS GUNASAMA PERSEKUTUAN SARAWAK

## KGP MUKAH, JALAN BESTARI, MUKAH



ENCIK MOHD HATTA BIN HASSIM

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN BAHAGIAN MUKAH  
084 874366  
hatta@jpj.gov.my

## KGP SARIKEI, JALAN BANGUNAN KERAJAAN, KGP SARIKEI, JALAN NYELONG BY-PASS



ENCIK MACKINLY ANAK JORES

ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA, SARIKEI  
084 659958  
mackinly@civildefence.gov.my

## KGP BINTANGOR, JALAN LIMAU, BINTANGOR.



ENCIK DONNY ANAK GARAI

PEJABAT PERGIGIAN BAHAGIAN SARIKEI  
084 654733  
donnygarai81@gmail.com

## KGP BETONG, JALAN TANGJUNG ASSAM, BETONG



ENCIK MOHD TAIB BIN IBRAHIM

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA DAERAH BETONG  
083 471753  
japenbetong@gmail.com

## KGP SARATOK, JALAN DESA DAMAI, SARATOK.



ENCIK MOHD RAHIMI BIN RAMLI

PEJABAT KESIHATAN DAERAH SARATOK  
083 436143  
kitos\_kitosman@yahoo.com

## KGP LUNDU, JALAN SEKETI, LUNDU



ENCIK DAVID BONG KUET FA

JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK  
082 735062  
davidkfbong@gmail.com

## KGP STAMPIN, JALAN DURIAN BURUNG STAMPIN



ENCIK ROBIN BIN JUNANG

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA NEGERI SARAWAK  
082 319731  
robinomy@yahoo.com

## KGP SRI AMAN, JALAN FOO CHOW KGP SRI AMAN, JALAN SABU




ENCIK DORCAS ANAK SIDI

PEJABAT PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAH PENGGUNA CAWANGAN SRI AMAN  
083 323836  
dorcas@kpdnhep.gov.my

## KGP SIBU, JALAN BUKIT LIMA, SIBU




ENCIK TUJOH AK BACHAT

PEJABAT TENAGA KERJA SIBU  
084 330700  
tujoah@mohr.gov.my

**KGP TATAU, JALAN SIBU-BINTULU, BINTULU**

PUAN MARGARET ANAK JANA

JABATAN PENERANGAN DAERAH TATAU  
086 584655  
margaretjana95@yahoo.com**KGP SONG, JLN MISSION, SONG**

ENCIK HAMZAH BIN BOHARI

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA DAERAH SONG  
084 777251  
arazahamzah@gmail.com**KGP KAPIT, JALAN SELIRIK, KAPIT**

ENCIK RAYMOND ANAK BRAWIE

PEJABAT IMIGRESEN BAHAGIAN KAPIT  
084 796706  
rayvaliant@gmail.com



# KERJA-KERJA PEMBAIKAN BANGUNAN DAN KUARTERS GUNASAMA PERSEKUTUAN SARAWAK

Oleh: Azlan Bin Kasah dan Mohd. Yasrie Bin Yahya

Pejabat Setiausaha Persekutuan (SUP) Sarawak merupakan pemilik 20 Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) di Sarawak dengan keseluruhan 28 blok yang menempatkan pelbagai agensi / jabatan Persekutuan. Penyenggaraan BGP dilaksanakan oleh syarikat konsesi iaitu Ambang Wira Sdn. Bhd. (AWSB) dan dikawalselia oleh Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF), Kementerian Kerja Raya (KKR) Malaysia. Sejajar dengan peranan dan tanggungjawab untuk menjaga dan menambah baik bangunan Kerajaan Persekutuan, pejabat ini dan BPF KKR telah melaksanakan beberapa kerja pembaikan (di luar skop konsesi) di beberapa BGP pada tahun 2019. Antaranya adalah seperti gambar-gambar berikut:

**SEBELUM**



**SELEPAS**





Pejabat SUP Sarawak juga mempunyai 1,003 unit Kuarters Gunasama Persekutuan (KGP) di 28 kawasan di seluruh Sarawak. Selain melaksanakan urusan menduduki kuarters bagi penjawat awam Persekutuan, Pejabat SUP Sarawak juga bertanggungjawab terhadap penyenggaraan dan naiktaraf kuarters. Pada setiap tahun, pejabat ini akan merancang kerja-kerja pembaikan kuarters mengikut keutamaan serta hasil dapatan tinjauan kepuasan penghuni kuarters dan pelaksanaan adalah tertakluk kepada peruntukan yang diterima daripada Jabatan Perdana Menteri di bawah perbelanjaan mengurus tahunan. Pada tahun 2019, sebanyak enam (6) kerja-kerja pembalikan melalui kaedah sebut harga telah dilaksanakan selain kerja-kerja pembalikan kecil / kecemasan /aduan penghuni.

1. Membalik pulih bumbung dan mengecat di KGP Lawas, Jalan Trusan



2. Mengecat luar blok kelas F dan membalik pulih rumah jenis seunit kelas E di KGP Kapit, Jalan Puan Seri Tiong





3. Membaiak pulih kerangka tingkap Blok F (Fasa II) dan bumbung blok kelas F (Fasa I) di KGP Sri Aman Jalan Sabu



4. Membaiak pulih bumbung kuarters kelas E di KGP Miri Jalan Tanjung Lobang





5. Membaiak pulih bumbung empat unit kelas F di KGP Marudi Jalan Jati

**SEBELUM**




**SELEPAS**



6. Membaiak pulih bumbung blok Labuan dan Samaraham di KGP Kuching Jalan Durian Burung Kuching

**SEBELUM**



**SELEPAS**





# COVID-19 DAN NORMA BAHARU DI BANGUNAN GUNASAMA PERSEKUTUAN (BGP) NEGERI SARAWAK

Oleh: Mohamed Faizal Shah Bin Ali

Penularan pandemik Covid-19 serta penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan oleh kerajaan bermula 18 Mac 2020 mengubah norma dan cara kerja penjawat awam di seluruh negara. Sektor awam selaku tunjang kerajaan, bekerja dalam norma baharu bagi memastikan perkhidmatan kepada rakyat dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) merupakan tempat tumpuan orang awam kerana ianya menempatkan Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen, Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan dan banyak lagi jabatan yang menjadi tumpuan urusan orang awam. Dengan penutupan *Urban Transformation Centre (UTC)* di seluruh Negeri Sarawak, BGP menjadi tumpuan orang ramai untuk menyelesaikan urusan masing-masing. Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak selaku agensi utama perkhidmatan awam persekutuan dan juga agensi yang bertanggungjawab mengawal selia Bangunan Gunasama Persekutuan di Negeri Sarawak telah mengarahkan jabatan-jabatan persekutuan, terutama jabatan yang menduduki Bangunan Gunasama Persekutuan untuk melaksanakan Prosedur Operasi Standard (*SOP*) yang ditetapkan kerajaan dalam melaksanakan urusan harian.

Sebaik kerajaan mengumumkan peralihan dari fasa Perintah Kawalan Pergerakan ke fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat bermula 4 Mei 2020 dengan pembukaan semula pelbagai sektor ekonomi dan juga jabatan kerajaan, Bangunan Sultan Iskandar dan Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Haji Bujang di Kuching terutamanya, dan BGP seluruh Sarawak mula diserbu orang awam yang mengambil peluang untuk menyelesaikan urusan dokumentasi, pasport, permit kerja dan sebagainya yang tertangguh sejak PKP dilaksanakan. Ada juga orang awam yang sanggup beratur seawal jam 6.30 pagi di BGP untuk mendapatkan giliran.





Dalam melayani pelanggan mengikut norma baharu, jabatan terpaksa menghadkan jumlah pelanggan dalam satu-satu masa bagi membolehkan penjarakan sosial antara pelanggan dapat diperaktikkan. Ada jabatan menetapkan setiap urusan harus melalui temujanji dan ada jabatan yang terpaksa menjadikan lobi bangunan yang lebih luas sebagai kaunter urusan dan pertanyaan.

Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dibantu oleh Angkatan Pertahanan Awam dan pihak Ambang Wira Sdn. Bhd. memikul tugas dan tanggungjawab untuk memastikan semua orang awam, termasuk juga kakitangan awam yang bertugas di Bangunan Gunasama Persekutuan menjalani saringan pemeriksaan suhu pada setiap hari bekerja. Bagi memastikan SOP dipatuhi sekaligus membendung penularan wabak Covid-19, orang awam diwajibkan melalui saringan pemeriksaan suhu dan mencatatkan nama serta nombor telefon di semua pintu masuk Bangunan Gunasama Persekutuan di Negeri Sarawak. Ini bagi membantu memudahkan pengesahan maklumat perhubungan jika berlaku kes Covid-19 di kawasan tersebut.

Kini walaupun indeks bagi kes jangkitan di negara kita berada pada kadar satu digit setiap hari, ini tidak bermakna kita telah bebas daripada wabak tersebut. Kita masih lagi berpotensi menjadi mangsa sekiranya kita leka dan mengambil mudah dengan tidak mempraktikkan kebersihan diri, menjaga penjarakan sosial dan menggunakan pelitup muka di tempat awam. Justeru, bagi memastikan kita berada pada landasan tepat untuk mencapai sifar jangkitan Covid-19, semua BGP masih mewajibkan pematuhan pada SOP yang telah dikuatkuaskan ke atas orang awam dan juga kakitangan kerajaan di BGP seluruh Negeri Sarawak. Orang awam dan kakitangan kerajaan dilihat memberikan kerjasama yang jitu dengan mematuhi SOP setiap kali berurus di BGP. Semoga kesinambungan tindakan dan kerjasama antara jabatan, penjawat awam dan orang awam dapat merealisasikan harapan kerajaan mendapatkan sifar kes Covid-19 di seluruh Malaysia.

#kitajagakita

#kitamestimenang





## BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) 2019 NEGERI SARAWAK

Oleh: Taufiqul Hakim Mok Abdullah

Buat kali pertamanya dalam sejarah perkhidmatan awam di Negeri Sarawak, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg telah mengumumkan pemberian khas sebanyak RM500.00 kepada Penjawat Awam Lantikan Persekutuan yang berkhidmat di Sarawak yang akan dibayar pada bulan Jun 2020 semasa Perhimpunan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Tahun 2019 yang telah diadakan pada 4 Disember 2019 yang lalu. Mesyuarat penyelarasan telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Shahabuddin Bin Omar, Setiausaha Persekutuan Sarawak bersama pegawai-pegawai daripada Perbendaharaan Malaysia Sarawak, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, Pejabat Perbendaharaan Negeri Sarawak, Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sarawak dan Jabatan Ketua Menteri bagi membincangkan isu-isu yang melibatkan pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) 2019 kepada Penjawat Awam Persekutuan.

Bermula 5 Mei 2020, Kerajaan Sarawak telah membayar peruntukan sebanyak RM65,906,000.00 kepada seramai 131,812 pegawai Perkhidmatan Persekutuan dan pegawai Badan Berkanun Persekutuan yang berkhidmat di Negeri Sarawak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Dengan pemberian tersebut, pejabat ini berharap agar motivasi dan prestasi Penjawat Awam Persekutuan dapat diper Tingkatkan dan bersama-sama berganding bahu dalam usaha merealisasikan visi Negeri Sarawak menjadi sebuah negeri yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.





# PROGRAM PEMBAYARAN BANTUAN SARA HIDUP (BSH) 2020 BAGI PENERIMA YANG TIDAK MEMPUNYAI AKAUN BANK DI PEDALAMAN SARAWAK

Oleh: Vicki Christine Anak Vincent Ahang

Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS) sekali lagi telah diamanahkan oleh Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk menerajui Program pembayaran tunai BSH 2020 (fasa kedua dan ketiga) yang diurussetiakan secara bersama oleh Perbadanan Persekutuan Sarawak (PMS), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) serta dibantu oleh pelbagai Agensi Kerajaan Persekutuan yang berkaitan bagi memudahkan pelaksanaan. SUPS telah mempergerusikan Jawatankuasa Induk Pelaksanaan Pembayaran Tunai BSH ini selama empat (4) siri iaitu:

- ◆ Pembayaran BSH Fasa pertama & kedua - 1 Februari 2019 sehingga 28 Februari 2019;
- ◆ Pembayaran BSH Fasa ketiga 2019 - 1 Julai 2020 sehingga 31 Julai 2020;
- ◆ Pembayaran BSH Fasa pertama 2020 - 1 Februari 2020 sehingga 29 Februari 2020; dan
- ◆ Pembayaran BSH Fasa kedua & ketiga, BPN dan Bantuan Khas Sayangku Sayang (BKSS) 2020 - 1 Julai 2020 sehingga 31 Julai 2020.

Bagi program pembayaran BSH 2020 (fasa kedua dan fasa ketiga), pembayaran BPN akan dibuat bersekali dan dibuat secara tunai kepada semua penerima yang tidak mempunyai akaun bank di pedalaman Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak juga akan turut serta untuk membuat pembayaran Bantuan Khas sarawakku Sayang (BKSS) di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Sarawak 2020 yang menggunakan pangkalan data penerima BSH 2020.

Program pembayaran BSH 2020 (fasa kedua dan fasa ketiga) melibatkan seramai 41,995 penerima seluruh Sarawak dan dilaksanakan di 33 buah lokasi yang dipecahkan kepada tiga (3) zon iaitu Zon Utara, Zon Tengah dan Zon Selatan yang akan dijalankan secara serentak.

Waktu operasi program pembayaran tunai BSH 2020 (fasa kedua dan fasa ketiga) adalah bermula pada 8.30 pagi sehingga 4.30 petang dan terbahagi kepada tiga (3) sesi. Setiap sesi hanya dihadkan kepada 200 orang sahaja dan penerima diwajibkan untuk hadir mengikut sesi yang ditetapkan seperti yang tercatat pada surat jemputan. Ini adalah selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) oleh Kerajaan bagi mengelakkan kesesakan dan berkumpul melebihi jumlah yang dibenarkan.



Modus operandi dan kaedah yang diguna pakai bagi pelaksanaan program ini mengambil kira norma baharu serta mematuhi peraturan dan *Prosedur Operasi Standard* (SOP) semasa yang berkuatkuasa. Selain hebahan berkenaan dengan lokasi pembayaran, hebahan berkenaan pematuhan peraturan semasa seperti pemakaian pelitup muka, penjarakan sosial, tidak hadir beramai-ramai (hanya penerima dan waris sahaja) dan kepentingan datang pada masa yang ditetapkan sahaja juga telah dilaksanakan sebagai peringatan kepada penerima yang hadir.





# PERKONGSIAN ILMU

## TIPS KESIHATAN

- Pelitup muka 3 lapis hanya boleh dipakai sekali & tidak melebihi 8 jam sekiranya bergejala.
- Pelitup muka fabrik perlu dicuci sebelum diguna semula.

Majlis Keselamatan Negara



Pakai pelitup muka dengan betul.

- Jangan kongsi.
- Jangan pakai di bawah dagu.
- Jangan letak merata-rata.
- Pastikan bersih.

Majlis Keselamatan Negara





## MINGGU INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK 2019

Minggu Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak merupakan acara tahunan yang dianjurkan secara kerjasama di antara Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan Perkhidmatan Awam Persekutuan di Negeri Sarawak bagi menggalakkan budaya kreatif dan inovatif di kalangan penjawat awam di Negeri Sarawak. Tema sambutan Minggu Inovasi pada tahun 2019, ***"Innovation: Accelerating Sarawak Growth"*** adalah selari dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang dan berdaya saing.

Pada 3 Oktober 2019, YBrs. Tuan Haji Mohd Shahabuddin Bin Omar, Setiausaha Persekutuan Sarawak telah merasmikan Minggu Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2019 di Dewan Serbaguna Sarikei dan dihadiri oleh pejawat awam Negeri Sarawak dan penjawat awam Persekutuan yang berkhidmat di Negeri Sarawak. Antara pengisian majlis tersebut adalah pameran daripada Jabatan Tanah Dan Survei Negeri Sarawak yang mempromosikan perkhidmatan eLASIS dan *Mobile LASIS*.



Perasmian Minggu Inovasi oleh Setiausaha Persekutuan Sarawak



Gimik Pelancaran Minggu Inovasi

Selain daripada itu, antara program-program yang diadakan sempena Minggu Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak adalah:

- *Sarawak Civil Service Mobile Legends e-Sport Games 2019 (SCSMLESG2019)*;  
(Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak)
- *Inno-Aqua - Sarawak Aqua Treasures* - (Jabatan Pertanian Sarawak)
- Teknologi Hyperspektral - (Jabatan Hutan Sarawak)
- Aerobathon 2019 - (Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Sarawak)
- Inno-Safety - (Jabatan Kerja Raya)
- Hari Produktiviti - (Malaysia Productivity Corporation)
- *Inno-Waste* - (Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak)
- Kembara Inovasi - (INTAN Sarawak) dan;
- Seminar Memperkasa Komuniti Setempat - (Dewan Bandaraya Kuching Utara)



Sempena penutupan program ini, Majlis Anugerah Konvensyen Inovasi Perkhidmatan Awam Sarawak Tahun 2019 yang diadakan pada 16 Oktober 2019 telah berlangsung di *Borneo Convention Centre Kuching* (BCCK). YAB Ketua Menteri Sarawak telah hadir sebagai tetamu kehormat pada majlis berkenaan bagi menyempurnakan majlis penyampaian anugerah kepada para pemenang Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Diharapkan Minggu Inovasi ini akan terus menjadi wacana utama dalam meningkatkan pembudayaan dan penghayatan dalam melestarikan inovasi dalam perkhidmatan awam di Negeri Sarawak.



Amanat YAB Ketua Menteri Sarawak



Makan Malam Bersama Penjawat Awam





## SARAWAK CIVIL SERVICE MOBILE LEGENDS E-SPORT GAMES 2019 (SCSMLESG2019)

Oleh: Mohamad Huzaifah Hamdan

Hari Inovasi Perkhidmatan Awam Sarawak merupakan acara tahunan yang diadakan setiap tahun oleh Kerajaan Negeri Sarawak bersempena dengan penganjuran Minggu Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak. Pada masa yang sama Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak telah menganjurkan *Sarawak Civil Service Mobile Legends e-Sport Games 2019 (SCSMLESG2019)* pada 30 September hingga 2 Oktober 2019 di Auditorium Tingkat 17 Bangunan Sultan Iskandar dan *Sarawak Multimedia Authority*, Bangunan Yayasan Lama yang melibatkan 32 buah penyertaan kumpulan daripada pelbagai Jabatan / Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri di seluruh Sarawak.

Pemenang bagi Kategori Logo Pasukan terbaik dimenangi oleh Pasukan JKDM Bintulu, daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia, dan Kategori Gambar Berpasukan Terbaik dimenangi oleh Pasukan *Five Rhyno X-Sport* dari Majlis Daerah Kanowit. Pertandingan yang berakhir pada 2 Oktober 2019 itu menyaksikan Pasukan *Nightmare Ends All (NEA)* daripada Polis Diraja Malaysia menjadi Juara, Naib Juara oleh Pasukan *X-Posbringku* daripada Pos Malaysia Berhad, Tempat Ketiga oleh Pasukan *The Apparation* daripada Pasukan Polis Diraja Malaysia dan Tempat Keempat oleh Pasukan *Eastern Military Legacy (EML)* daripada Rejimen Pertama Kor Polis Tentera Diraja.



Timbalan Setiausaha Persekutuan Sarawak bergambar bersama pemenang dan peserta SCSMLES 2019



Logo yang memenangi Kategori Logo Terbaik (JKDM Bintulu)



Pasukan yang memenangi Kategori Gambar Berpasukan Terbaik (Five Rhyno X-Sport )



Pasukan NEA (Polis Diraja Malaysia)



Pasukan X-Posbringku (Pos Malaysia Berhad)



Pasukan The Apparation (Polis Diraja Malaysia)



Pasukan EML (Rejimen Pertama KPTD)



## PERTANDINGAN EKSA BAGI TAHUN 2019

Oleh: Mohamad Huzaifah Hamdan


Jawatankuasa Promosi EKSA telah menganjurkan Pertandingan EKSA Bagi Tahun 2019, mengikut kategori-kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Ruang Kerja Terbaik, Lokasi Jagaan Terbaik dan Zon Terbaik. Bagi Pertandingan Hasil Kreativiti Amalan Hijau EKSA Terbaik, Puan Hasimah Binti Japar telah mendapat tempat pertama dengan hasil kreativiti yang diberi nama Tempat Alat Gunasama (TAG). Tempat kedua pula dimenangi oleh Encik Mohamad Huzaifah Bin Hamdan (*Virtual File Cabinet*) dan Abdul Sharfiq Bin Zaidi (Rak Kasut). Manakala bagi Kategori Zon pula dimenangi oleh Zon Lavender.



**Dayang Farida Binti Awang Maliki -  
Pemenang Bagi Kategori Ruang Kerja Terbaik  
(Siri 2/2019)**



**Auditorium (Rahmat Sadikin Bin Sabari) -  
Pemenang Bagi Kategori Lokasi Jagaan Terbaik  
(Siri 2/2019)**



**Zon Lily - Pemenang Bagi Kategori Zon Terbaik (Siri 2/2019)**



Antara hasil kreativiti yang telah dihasilkan adalah seperti di bawah:



Tempat Alat Gunasama (TAG)

*Virtual File Cabinet* atau Kabinet Fail Maya yang dihasilkan daripada barang terpakai seperti kotak, plastik dan kertas ini berfungsi sebagai storan fail maya yang boleh memaparkan fail-fail secara *softcopy* selepas mengimbas Kod QR.



*Virtual File Cabinet*

Tempat Alat Gunasama (TAG) ini dihasilkan dengan menggunakan peralatan-peralatan terpakai seperti bekas pita pelekat dan CD, dan seterusnya ditempatkan di lokasi gunasama sebagai tempat meletak alat-alat tulis seperti pembaris, gam, klip kertas, dawai kokot, gunting, pen, marker dan sebagainya.



Rak Kasut



Zon Lavender - Pemenang Bagi Kategori Hasil Kreativiti Amalan Hijau EKSA Terbaik 2019



Bagi Kategori Hasil Kreativiti Amalan Hijau EKSA Terbaik 2019, telah dimenangi oleh Zon Lavender. Pemarkahan adalah berdasarkan budaya penghasilan produk yang kreatif yang diamalkan oleh ahli-ahli Zon Lavender.



TENPIN BOWLING ANJURAN KELAB  
BERSAMA AHLI-AHLI KELAB KSKR SUPS  
PADA 5 DISEMBER 2019

## AKTIVITI KELAB SUKAN, KEBAJIKAN DAN REKREASI (KSKR)



MAJLIS MAKAN MALAM  
PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN  
SARAWAK  
6 DISEMBER 2019  
RETRO

MAJLIS MAKAN MALAM KSKR BERTEMAKAN  
“RETRONITE” PADA 6 DISEMBER 2019



## AKTIVITI KELAB SUKAN, KEBAJIKAN DAN REKREASI (KSKR)

### PROGRAM CHRISTMAS OF HOPE 2019



Kelab KSKR telah mengadakan Program “*Christmas of Hope*” dan “*Red of Happiness*” yang bertujuan untuk memberi sumbangan kepada golongan yang memerlukan bersempena sambutan Hari Natal dan Tahun Baru Cina. Sumbangan barang-barang keperluan seperti beras, gula, minyak masak, biskut, tepung, telur dan lain-lain telah disumbangkan oleh warga Kompleks Persekutuan Kuching dan juga orang awam.

Encik Norizan bin Jili, Timbalan Setiausaha Persekutuan Sarawak bersama-sama Penggerusi Kelab, Encik Mohamed Faizal Shah bin Ali dan warga kelab KSKR telah melawat dan menyerahkan sumbangan barang tersebut.

### PROGRAM RED OF HAPPINESS SEMPENA TAHUN BARU CINA 2020





# PUSPANITA - KUNJUNGAN HORMAT KE JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

Oleh: Rizamariah Binti Sori



Kunjungan Hormat Pengerusi PUSPANITA ke Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

Kunjungan Hormat ini adalah bertujuan untuk membincangkan kerjasama PUSPANITA Cawangan Kecil Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak bersama Guru-Guru Muda Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak untuk mengadakan Program ceramah Asma'ul Husna.



Program Ceramah Asma'ul Husna di Auditorium Bangunan Sultan Iskandar



Program Ceramah Asma'ul Husna di Auditorium Bangunan Sultan Iskandar

Program ceramah Asma'ul Husna ini disampaikan oleh Prof. Dr. Zuraidah Kassim dari Universiti Asma'ul Husna. Program ini diadakan bertujuan untuk memahami dan memantapkan aqidah umat serta mendalami erti maksud nama-nama Allah disamping mengeratkan hubungan silaturrahim warga penjawat awam Persekutuan Sarawak. Seramai 89 orang penjawat awam Persekutuan hadir ke program tersebut.



Program Ceramah Asma'ul Husna di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sarawak




Penyampaian Cenderahati oleh Pegawai BOMBA kepada penceramah

Pada 31 Januari 2020, Program Ceramah Asma 'ul Husna telah diadakan di Bilik Seminar Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sarawak. Ianya adalah program kerjasama di antara JBP Negeri Sarawak, PERISMA Sarawak dan PUSPANITA Pejabat SUPS. Perkongsian ilmu tersebut telah disampaikan oleh Prof Dr Zuraida Kassim.



# SEKALUNG TAHNIAH



## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019



**PUAN FARIDAH BT MOHAMAD  
OTHMAN**




**CIK PELANGI BT HJ.  
SIDI**



**ENCIK RAHMAT SADIKIN  
SABARI**



# SIJIL PENGHARGAAN





# SURAT PENGHARGAAN

**PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI SARAWAK**  
UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
(ICU JPM)  
Lantai 17, WISMA BAPA MALAYSIA  
PETRA JAYA  
93502 KUCHING  
SARAWAK

Ruj Kami : ICU-PPN.Q/177/439 Kit.12 (sp)  
Tarikh : 4 Mac 2020

**Setiausaha Persekutuan Sarawak**  
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak,  
Tingkat 17, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga  
93592 Kuching  
Sarawak

Tuan,

**PENGHARGAAN BAGI MENGGUNAKAN KENDERAAN JABATAN BERSERTA PEMANDU SEMPENA MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH ICU JPM BILANGAN 2 TAHUN 2020**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahwa Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas khidmat pemandu dan pemimpijan kenderaan jabatan tuan sempena Mesyuarat Pengarah-Pengarah ICU JPM Bilangan 2 Tahun 2020 pada 5 Mac hingga 8 Mac 2020.

3. Pihak kami mengucapkan tahniah di atas perkhidmatan cemerlang yang diberikan oleh Encik Mohd Nazri Bin Norolam sepanjang belau bertugas sebagai pemandu bagi mesyuarat tersebut. Semoga kerjasama sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

*(Signature)*  
**(NURSHAIMA BINTI NAPIS)**  
b.p. Pengarah Pembangunan Negeri Sarawak

s.k.-: 1. Pengarah Pembangunan Negeri Sarawak  
2. Timbalan Pengarah Pembangunan Negeri Sarawak

12/3/2020

DeaAVnrlCU-PPN.Q/177/439 KE.12

<http://www.swk.icu.gov.my>

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, CAWANGAN SARAWAK**  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Alamat Pejabat:  
Peti Surat 139C  
88000 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.  
Alamat Pejabat:  
Jalan Simpang Tiga, Petaling Jaya 46100 Petaling Jaya, 93500 Kuching, Sarawak, Malaysia.  
Telefon : 062-227 000 (Umum)  
062-227 088 (Penadaran)  
062-227 089 (Penyelaras dan Bantuan)  
062-227 061 (Pengedaran dan Penasihat)  
Laman Sesawang : www.dbp.gov.my

YBhg. Tuan Haji Mohd. Shahabuddin bin Omar, Ruj. Kami: DBP/003.10/100-14/14 K.10 (21)  
Setiausaha Persekutuan Sarawak, Tarikh: 09 September 2019  
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, 30 Muhamarram 1441  
Tingkat 17, Bangunan Sultan Iskandar,  
Jalan Simpang Tiga, 93300 KUCHING.

Yang Berbahagia Tuan,  
**RAKAMAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH**

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara seperti yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Program Lawatan Kerja Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlu ke Sarawak telah diadakan dengan jayanya pada 20 hingga 22 September 2019 (Jumaat – Sabtu), di Kuching dan Kota Samarahan.

3. Sehubungan itu, pihak kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sokongan dan kerjasama pihak Yang Berbahagia Tuan dalam menyerajakkan program tersebut. Semoga kerjasama dan komitmen yang pihak Yang Berbahagia Tuan berkenan dalam menyajarkan program ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Kain berlipat dalam istana,  
Pakaian puteri raja kayangan;  
Sepatah nasihat ilmu berguna,  
Secebit budi jadi kenangan.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"BAHASA JIWA BANGSA"**

Saya yang menjalankan amanah,

*(Signature)*  
**(ABDUL WAHAB HAMZAH)**  
Pengarah.

Tel: 082-227001  
E-mail: [wahab@dbp.gov.my](mailto:wahab@dbp.gov.my)

Mr/ZBantuan Kejasaan Kebahasaan

108

**ARAHAN SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**

UP	Sila hincang
UP (K)	Sila urus
PSUP (K)	Sila kaji dan lepor
PSUP (P)	Misuk jadual
PSUP (B)	Untuk makluman
PSUP (A)	Untuk difalikan
PPP	Hadir
PA	Tidak hadir/Wakil

Catatan:

09 OCT 2019  
Unit Pengurusan  
Pejabat SUPS  
TERIMA  
30 SEPTEMBER 2019  
30 MUHAMARRAM 1441  
09 OCT 2019  
Unit Pengurusan  
Pejabat SUPS  
TERIMA  
30 SEPTEMBER 2019  
30 MUHAMARRAM 1441

**JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK,**  
JALAN DIPLOMATIK OFF JALAN BAKO,  
93050 PETRA JAYA,  
KUCHING, SARAWAK,  
MALAYSIA

Ruj. Kami : JKNSWK.100-9/6/3 (39)  
Tarikh : 30 April 2020

**BY HAND**

Setiausaha Persekutuan Sarawak,  
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bangunan Sultan Iskandar,  
Jalan Simpang Tiga,  
93300 Kuching.

Tuan,

**UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak tuan di atas komitmen bersama dalam menjayakan Lawatan Kerja Pasukan Pakar Perubatan COVID-19 dari Republik Rakyat China (RRC) yang telah diadakan pada 26 hingga 28 April 2020.

3. Jabatan ini berharap jalinan kerjasama dengan pihak tuan dapat diteruskan di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

*(Signature)*  
**(DR. CHIN ZIN HING)**  
MMC 27035 NSR 127648  
Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak

13/4/2020

PSR/FASJUNE\_phargaa/china

KAMI SEDIA MEMBANTU

108

**ARAHAN SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**

TSUP	Sila hincang
TSUP (K)	Sila urus
KPSU	Sila kaji dan lepor
PSUP (K)	Misuk jadual
PSUP (P)	Untuk makluman
PSUP (B)	Untuk difalikan
PSUP (A)	Hadir
PPP	Tidak hadir/Wakil

Catatan:

13/4/2020



## AKTIVITI



Program Bubur Lambuk Bersama Setiausaha Persekutuan Sarawak



Perbarisan Rapat Raksasa Sempena Sambutan Hari Jadi Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud pada 12 Oktober 2019 di Miri







## SILATURRAHIM





## SILATURRAHIM



## SUP agih lebih 3,000 bungkus bubur lambuk

KUCHING: Lebih 3,000 bungkus bubur lambuk telah diagihkan sempena Program Agihan Bubur Lambuk oleh Setiausaha Persekutuan Sarawak Mohd Shahabuddin Omar kepada Warga Kompleks Persekutuan Kuching yang di sini, semalam.

Program ini merupakan anjuran bersama Pejabat Setiausaha Persekutuan (SUP) dengan Jataan kuasa Penyelaras Penyelenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan

(JPPBGP) Kompleks Persekutuan Kuching.

Seramai 130 warga kompleks daripada gabungan 26 jabatan dan agensi persekutuan bergotong-royong menyediakan bubur lambuk tersebut.

Program ini merupakan aktiviti tahunan JPPBGP dengan tujuan untuk mengeratkan semangat perpaduan, mengeratkan silaturahim, memupuk amalan sedekah dan mengimaraskan kedudungan bulan Ramadan.

TUAN MUDA Shahabuddin Omar  
menghadiri bungkus bubur lambuk kepada  
Warga Kompleks Persekutuan Kuching

## an kunjungan



## PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK JABATAN PERDANA MENTERI

Semasa lawatan, beliau sempat melawat beberapa pejabat dan agensi kerajaan termasuk Klinik kesihatan UTC, Jabatan Pengurusan Negara (JPN), Jataan kuasa Penyelaras dan Jataan kuasa Pengurusan

Terdahulu, Shahabuddin telah diberikan maklumat berkaitan SOP UTC Kuching yang telah disampaikan oleh wakil UTC Kuching Nur Haliza Abu Bakar.

Terutamanya, Pengirah Unit Pendidikan, Tadbiran dan Persekitaran (UPAMP)

**Buletin Pejabat SUP Sarawak berserta isi kandungannya adalah hak milik Pejabat SUP Sarawak.**

Buletin ini tidak boleh dicetak semula, disalin, ditiru atau diterjemah untuk apa-apa tujuan tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat SUP Sarawak.

Sebarang artikel, cadangan atau komen amat dialu-alukan.

Sila alamatkan segala maklum balas kepada



[ict.gp@supsrwk.gov.my](mailto:ict.gp@supsrwk.gov.my)

## PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK

Tingkat 3 & 17, Bangunan Sultan Iskandar,

Jalan Simpang Tiga,  
93300 Kuching Sarawak,  
Malaysia.

Telefon : 6082 417733

Faks : 6082 243332

E-mel : [admin@supsrwk.gov.my](mailto:admin@supsrwk.gov.my)

[upa@supsrwk.gov.my](http://upa@supsrwk.gov.my)